

## FKAL UMS Anjur Bengkel Penerbitan Jurnal Berindeks

Terakhir dikemaskini: Selasa, 30 Oktober 2018 17:35 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 124

[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**SELASA, 30 OKTOBER -**  
Fakulti  
Kewangan  
Antarabangsa  
Labuan  
(FKAL),  
Universiti  
Malaysia  
Sabah (UMS)  
telah

menganjurkan Bengkel “How to Publish in Indexed Journal” yang diadakan di Dorsett Grand Hotel, Labuan bersempena dengan persidangan 3<sup>rd</sup> Applied International Business Conference (AIBC) 2018 baru-baru ini.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh Profesor dari Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Ts. Dr. Hjh. Norazah Mohd Suki yang merupakan penerima Malaysia’s Research Star Award 2018 dengan sitasi index SCOPUS yang tinggi.

Dalam bengkel tersebut, beliau berkongsi tips penulisan jurnal, teknik memilih jurnal berkaitan topik penyelidikan, elemen *peer review*, dan sebagainya.

“Bengkel ini bertujuan untuk menarik minat ahli akademik dan pelajar pascasiswazah khususnya dalam bidang penulisan dan penerbitan melalui pendedahan tentang kemahiran penulisan jurnal yang efektif dan layak untuk diterbitkan di jurnal berindeks seperti ISI, SCOPUS dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, salah seorang peserta bengkel, Dr. Maya Puspa Rahman teruja dapat menyertai bengkel yang banyak memberikan ilmu baru buat peserta.

“Melalui bengkel ini, saya mendapat pendedahan mengenai teknik penulisan dan penerbitan yang efektif bagi menghasilkan artikel jurnal yang lebih berkualiti dalam memenuhi kriteria editor jurnal, dan diharapkan agar bengkel sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang,” ujar beliau.

Seramai 40 peserta terdiri daripada ahli akademik dan pelajar pascasiswazah dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia dan luar negara menyertai bengkel tersebut.